

# Kejayaan PSKPM 2024-2030 menuntut keseepaduan pemegang taruh

- Walaupun Malaysia mencapai kadar literasi tinggi, ketidaksamaan dari segi akses kepada kemudahan pendidikan dan kualiti pembelajaran masih menjadi cabaran

- Memperkasa pengurusan sumber manusia adalah langkah penting ke arah mempertingkatkan mutu pendidikan kerana membabitkan guru, pentadbir dan staf sokongan



Ketua Jabatan  
Pemajuan Profesional  
Dan Pendidikan  
Lanjutan, Fakulti  
Pengajian  
Pendidikan, Universiti  
Putra Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Nor Wahiza  
Abd Wahat  
bhrencana@bh.com.my

**Berbekalkan** lima teras strategik utama, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (2024-2030) dibangunkan Kementerian Pendidikan (KPM) dilihat sebagai satu inisiatif penting dalam usaha memperkukuh sistem pendidikan negara, terutama pada era digitalisasi. PSKPM dilihat berhasrat menangani pelbagai isu pendidikan secara menyeluruh dan holistik seiring dengan perubahan dan perkembangan semasa untuk meningkatkan mutu pendidikan negara serta mempersiapkan generasi akan datang menghadapi cabaran masa depan.

Teras pertama iaitu meningkatkan akses dan kualiti pendidikan adalah langkah kritikal kerana akses kepada pendidikan berkualiti masih menjadi isu utama, terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman. Walaupun Malaysia mencapai kadar literasi tinggi, ketidaksamaan dari segi akses kepada kemudahan pendidikan dan kualiti pembelajaran masih menjadi cabaran.

Maka, usaha ini bukan sahaja memberi fokus kepada jumlah kemudahan pendidikan tersedia, tetapi memastikan setiap pelajar mempunyai peluang sama untuk mendapatkan pendidikan berkualiti. Ini termasuk memperluas akses kepada pendidikan prasekolah dan menengah, serta memastikan sistem sokongan kuat bagi pelajar berkeperluan khas.

Selain itu, penekanan kepada kualiti pendidikan juga sangat penting. Ia merangkumi kurikulum relevan, kaedah pengajaran berkesan dan guru terlatih serta kompeten. Usaha untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menekankan pendidikan berkualiti untuk semua.

Pendekatan ini diharapkan dapat mengurangkan jurang ketidaksamaan pendidikan di Malaysia, sekali gus melahirkan generasi lebih berdaya saing di peringkat global.

Teras kedua iaitu mengukuhkan pendidikan digital adalah satu langkah sangat relevan dalam era pendigitalan masa kini. Pandemik COVID-19 membuktikan betapa pentingnya pendidikan digital apabila sekolah dan institusi pendidikan terpaksa ditutup, pembelajaran perlu diteruskan secara dalam talian.

Namun, ketika pandemik juga mendedahkan kelemahan sistem pendidikan negara, terutama dari segi akses kepada teknologi dan infrastruktur digital diperlukan bagi melancarkan pembelajaran dalam talian.

## Perubahan pendekatan PdP

Dalam konteks ini, pendidikan digital yang kuat bukan sahaja memerlukan kemudahan teknologi seperti komputer, tablet dan capaian internet yang baik, tetapi perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Guru dan pelajar perlu didedahkan dengan teknologi terkini serta diberi latihan untuk memanfaatkan sepenuhnya keupayaan teknologi dalam proses PdP. Pendidikan digital juga harus memastikan semua pelajar, termasuk di kawasan pedalaman tidak ketinggalan dalam arus pendigitalan pendidikan ini.

Justeru, keperluan untuk menyediakan infrastruktur teknologi mencukupi di semua institusi pendidikan serta memupuk kesediaan pelajar dan guru untuk menghadapi cabaran pembelajaran digital perlu diberi keutamaan. Langkah penting ini adalah ke arah membina generasi celik digital, bersedia beroperasi dalam dunia kerja semakin digital dan berteknologi tinggi.

Teras ketiga iaitu menambah baik kemudahan asas institusi pendidikan adalah aspek penting memperkukuh sistem pendidikan seperti bangunan sekolah, bilik darjah, makmal sains, perpustakaan dan kemudahan sukan.

Iltizam ini untuk memastikan setiap institusi pendidikan mempunyai kemudahan asas mencukupi dan berkualiti. Kemerosotan kualiti kemudahan ini boleh menjejaskan mutu pembelajaran.

Penambahbaikan ini bukan sahaja membabitkan pembinaan atau pembaikan bangunan, tetapi juga penyediaan kemudahan moden selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Dalam dunia semakin maju, alat bantu mengajar seperti makmal komputer, akses kepada internet berkelajuan tinggi dan kemudahan teknologi lain sangat penting.

Menaik taraf kemudahan asas ini juga membantu merapatkan jurang pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar. Kemudahan pendidikan setara di semua kawasan membantu pelajar daripada pelbagai latar belakang menikmati persekitaran pembelajaran setanding, sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan.

Sementara itu, teras keempat akan memfokuskan memperkasa pengurusan sumber manusia. Ia langkah penting ke arah mempertingkatkan mutu pendidikan kerana membabitkan secara langsung guru, pentadbir dan staf sokongan sebagai aset paling penting dalam sistem pendidikan. Kualiti pengajaran tinggi hanya dapat dicapai melalui pengurusan sumber manusia efektif.

Langkah ini sudah tentu membabitkan usaha bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru melalui pelbagai cara terutama latihan

berterusan, penilaian prestasi berkesan serta insentif sewajarnya.

Pentadbiran sekolah juga perlu diperkukuh untuk memastikan operasi sekolah berjalan dengan lancar dan efisien. Memperkasakan sumber manusia dalam pendidikan bukan hanya di sekolah, malah meliputi pengurusan pendidikan di peringkat kementerian dan daerah.

Tumpuan langkah ini ialah kepada pembangunan profesional, kesejahteraan pekerja serta strategi pengurusan sumber manusia cekap dalam memastikan sistem pendidikan Malaysia mampu bersaing dengan negara maju dari segi mutu pengajaran dan pentadbiran pendidikan.

Teras terakhir iaitu mengislahkan sistem tatakelola merujuk kepada keperluan memperbaiki sistem pentadbiran dan pengurusan di peringkat institusi pendidikan dan kementerian. Tatakelola yang baik membabitkan ketelusan, akauntabiliti dan keberkesanan dalam setiap aspek pengurusan.

Tatakelola yang lebih baik menjadikan institusi pendidikan akan beroperasi dengan lebih efisien dan efektif. Ini bukan sahaja membabitkan aspek pentadbiran harian, tetapi pelaksanaan dasar pendidikan, pengurusan kewangan dan pemantauan prestasi.

Sistem tatakelola mantap akan memastikan setiap keputusan dibuat berlandaskan data dan bukti, serta berfokus kepada matlamat utama pendidikan iaitu meningkatkan hasil pembelajaran murid.

Tuntasnya, PSKPM 2024-2030 adalah inisiatif komprehensif dan relevan dalam usaha memperbaiki sistem pendidikan negara dengan lima teras strategik. Meningkatkan akses dan kualiti pendidikan, pendidikan digital, kemudahan asas, pengurusan sumber manusia, dan tatakelola diharapkan mampu membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan Malaysia.

Namun, bagi menjayakan iltizam ini ia memerlukan komitmen semua pihak, dari peringkat kementerian hingga sekolah, untuk memastikan visi dan misi ini dapat dicapai dengan jayanya.

